

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
(PENGERANG)**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [PENGERANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk meminda Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan ibu warganegara Malaysia menikmati hak yang sama dalam mendapatkan status kewarganegaraan bagi anak-anak mereka yang lahir di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri bersimpati dengan kes-kes ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki bukan warganegara yang melahirkan anak di luar negara kerana perlembagaan tidak memperuntukkan untuk anaknya diberikan taraf kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang. Namun demikian, Kementerian terikat dengan Perlembagaan dan perundangan sedia ada dalam negara berhubung dengan kewarganegaraan yang diperuntukkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964].

Kementerian berada dalam keadaan terhimpit di atas keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Suriani Kempe & 6 lagi - lawan-Kerajaan Malaysia dan juga kes Mahisha Sulaiha Abdul Majeed -lwn-Ketua Pengarah Pendaftaran Negara & 2 Lagi berhubung isu pentafsiran perkataan "bapa" dalam Jadual Kedua, Bahagian II, Seksyen 1(b) dan 1(c) Perlembagaan Persekutuan. Berhubung dengan keputusan permohonan penangguhan pelaksanaan perintah mahkamah (*stay of execution*) yang telah didengar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 15 November 2021 yang mana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menolak permohonan tersebut. Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah memfailkan "*fresh application for stay*" bersama Perakuan Segera (*Certificate of Urgency*) di Mahkamah Rayuan pada hari ini 16 November 2021. Pemfailan "*fresh application for stay*" ini dibuat bertujuan menangguhkan pelaksanaan perintah Mahkamah Tinggi.

Selain daripada itu, Kementerian bercadang untuk membawa perkara ini bagi mendapat polisi baharu Kerajaan untuk meminda perlembagaan bagi pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur di bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara oleh ibu bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan bapa bertaraf bukan warganegara secara kuat kuasa undang-undang. Dalam masa yang sama perkara ini perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja selaras dengan Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan.